

Kwasa Land, Impiana jalin kerjasama strategik

» Bangun projek kediaman 3.56 hektar di Sungai Buloh

Oleh Nurhayati Abillah

Kwasa Land menerusi anak syarikatnya, Kwasa Development (3) Sdn Bhd, menjalinkan kerjasama strategik dengan Impiana Land & Development Sdn Bhd bagi melaksanakan projek pembangunan kediaman di Kwasa Damansara, Sungai Buloh, Selangor.

Projek pembangunan Bumiputera pertama kumpulan itu akan dibangunkan di kawasan seluas 3.56 hektar dengan status pegangan bebas yang dikenali sebagai R3-2.

Pengarah Urusan Kwasa Land, Datuk Mohd Lotfy Mohd Noh, berkata projek pembangunan ber-

tempoh enam tahun itu dijangka akan menjana nilai pembangunan kasar (GDV) sehingga RM400 juta, selepas mengambil kira kadar diskaun tujuh peratus untuk pembeli Bumiputera.

Jangka pendapatan RM65 juta
"Adalah dijangkakan jumlah keseluruhan pendapatan yang bakal diperoleh Kwasa Land pada akhir pembangunan itu sebanyak RM65

juta, iaitu bersamaan dengan RM170 bagi setiap kaki persegi.

"Jumlah berkenaan adalah termasuk jumlah perkongsian lima peratus daripada hasil penjualan unit rumah yang dibangunkan," katanya pada satu kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Pengumuman pemeteraian perjanjian pembangunan itu dibuat Kwasa Land, sebagai pemaju induk bagi pembangunan ikonik 942.9 hektar yang juga anak syarikat milik penuh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Perjanjian itu ditandatangani oleh Mohd Lotfy dan Pengarah

Urusan Impiana Land & Development, Datuk Haris Onn Hussein. Ia disaksikan Pengerusi Kwasa Land, Tan Sri Samsudin Osman serta penasihat korporat Impiana Land & Development, Datuk Ghazi Ishak.

R3-2 konsep gaya hidup sihat
Projek pembangunan itu terdiri daripada 396 unit kondominium, 20 unit 'park homes' dan 20 unit penthouse dengan harga bermula

dari RM650,000 seunit.

Konsep pembangunan R3-2 bakal mencerminkan gaya hidup sihat dan berkualiti dengan reka bentuk strategik melangkaui konsep pembangunan tradisional sedia ada.

Pengasingan trek pejalan kaki dan laluan kenderaan bermotor juga adalah ciri keselamatan utama yang diketengahkan dalam pelan perancangan projek berkenaan.

Ciri reka bentuk R3-2 yang lestari serta mapan akan menyumbang kepada penyelenggaraan bangunan yang minimum dan lebih peka terhadap inisiatif teknologi hijau seperti kecekapan tenaga, keadaan dalaman bangunan lebih berkualiti, pengurangan kesan haba, kecekapan guna air dan ciri kitar semula.

Sebagai tambahan, Mohd Lotfy berkata, pembangunan itu berkonsepkan taman bandar yang mana 80 peratus daripada struktur dan kandungan pembangunannya diperuntukkan kepada landskap kehijauan dan mesra alam untuk menggalakkan gaya hidup sihat.